



BULI DARI SUDUT PANDANG PSIKOLOGI

Buli, bukan pertama kali kita mendengar perkataan ini. Kes buli pelajar yang berlaku baru-baru ini juga bukan yang pertama kali berlaku. Buli sudah berlaku sejak dahulu lagi, dan masih kerap berlaku hingga hari ini. Jadi, buli bukan kejadian baharu. Buli juga tidak berlaku di sekolah dan institusi pendidikan sahaja. Buli berlaku di mana-mana sahaja; dalam institusi perkahwinan dan keluarga, organisasi ekonomi, pertubuhan politik, malah buli berlaku di jalan raya.

Tidak perlu diulang sebut kejadian buli yang sudah berlaku. Jika kita meneliti laporan akhbar, memang begitu banyak berita mengenai kejadian buli di negara kita. Kita sangat tersentak dan terharu dengan kejadian tersebut. Kejadian di sekolah asrama di Perak, kejadian di Pahang, dan yang paling meruntun hati apabila kes buli telah menyebabkan kehilangan nyawa seorang pegawai kadet laut di Universiti Pertahanan Nasional Malaysia.

Buli itu sebenarnya apa? Buli berasal daripada perkataan Inggeris, yang sebahagian daripada kita tidak begitu menyelami dan menghayati maksudnya, lantas memaksa kita melayari Google untuk mengetahui maknanya. Apatah lagi jika buli cuba difahami dalam konteks masyarakat kita

yang sama sekali berbeza daripada masyarakat Barat. Masyarakat Barat bersifat individualistik, manakala masyarakat kita bercirikan kolektivisme. Kita menjunjung tinggi nilai murni dan adat resam. Kita dididik untuk menghormati orang, apatah lagi orang yang lebih tua dan berpangkat. Kita begitu tebal dengan amalan budi bahasa, sopan santun, dan pekerti mulia. Jadi, bagaimana buli boleh berlaku dalam masyarakat yang sifatnya lemah lembut dan mengagungkan budi bahasa? Kenapa buli berlaku? Apakah yang mendorong seseorang itu menunjukkan tingkah laku buli? Apakah konsekuensi daripada buli? Bolehkah kita berbuat sesuatu mengenai buli? Terlalu banyak persoalan mengenai buli, sama banyak seperti masalah dalam tingkah laku yang lain. Walau apa-apa pun persoalannya, sebaiknya kita bermula dengan memahami maksud buli terlebih dahulu.

Tingkah laku buli mula dikaji oleh ahli psikologi pada sekitar tahun 1960-an ketika tingkah laku agresif memuncak di Eropah. Pada ketika itu, konsep yang digunakan bukanlah *bully* tetapi *mobbing*, yang merujuk aktiviti sesuatu kelompok. Konsep ini telah mengalami perubahan sehinggalah tidak diguna pakai lagi. Apa-apa pun, konsep tersebut berkongsi ciri yang lebih kurang sama, iaitu perlakuan agresif oleh seseorang atau satu kelompok terhadap seseorang atau kelompok yang lain.

Sejak tahun 1970-an, kajian mengenai tingkah laku buli telah mula menumpukan perhatian terhadap gangguan rakan sebaya (*peer harassment*) sebagai satu karakteristik buli di institusi pendidikan. Dari sini kita melihat buli tidak berlaku di negara kita sahaja, malah turut berlaku di negara lain. Buli juga sudah berlaku sejak sekian lama. Dalam tempoh tahun 1970-an juga, ahli psikologi mendapati bahawa memahami tingkah laku buli dari perspektif kelompok adalah penting lantaran buli sering berlaku

dalam ruang lingkup sesebuah kelompok. Walau bagaimanapun, tidak boleh diabaikan juga faktor perbezaan individu.

Ahli psikologi sependapat bahawa buli merupakan suatu bentuk tingkah laku agresif yang ditunjukkan dengan niat untuk mencederakan atau memberikan rasa yang tidak selesa ke atas seseorang individu. Oleh sebab tingkah laku buli berlaku tanpa provokasi daripada mangsa, tingkah laku tersebut dianggap sebagai suatu bentuk tingkah laku agresif yang proaktif. Ahli psikologi sepakat bahawa tiga kriteria buli ialah buli dilakukan dengan niat, berulang-ulang dan wujud ketidakseimbangan dalam kuasa. Kita perincikan setiap kriteria tersebut.

Buli dilakukan dengan niat. Pembuli memang berniat untuk mencederakan mangsa. Walaubagaimanapun, ada pertikaian mengenai bagaimana kita boleh memastikan bahawa pembuli mempunyai niat untuk mencederakan mangsa. Pada persoalan ini tidak dijawab dengan bertanyakan secara langsung kepada si pembuli (semestinya!). Sebaliknya, individu yang bertanggungjawab menangani kes

buli mesti membuat analisis kes dan cuba memahami konteks kejadian buli tersebut. Jika keputusan analisis menunjukkan pembuli sadar atau faham yang tingkah lakunya dilihat dan diinterpretasikan sebagai tidak selesa, menyakitkan, atau mencederakan mangsa, kesedaran ini sudah cukup untuk mengkategorikan tingkah laku itu sebagai agresif. Ahli psikologi juga berpendapat satu lagi bentuk analisis adalah dengan memastikan bahawa tingkah laku buli itu tidak diingini dan ditakuti oleh mangsa.

Buli mesti dilakukan secara berulang-ulang. Kriteria ini penting supaya kita mengetahui bahawa tingkah laku buli itu dilakukan dengan niat untuk mencederakan mangsa. Berulang-ulang di sini boleh jadi paling kurang sebanyak dua kali. Apa-apa pun, kriteria ini mesti hadir bersama-sama dengan kriteria yang seterusnya, iaitu ketidakseimbangan kuasa.

Ketidakseimbangan kuasa bermaksud “kuasa” lebih banyak berada di tangan pembuli dan definisi “kuasa” ini biasanya adalah menurut interpretasi mangsa buli, bukan pembuli. Memang benar, kes buli tidak semudah yang dilihat atau tidak berlaku dan

AHLI PSIKOLOGI SEPENDAPAT BAHAWA BULI MERUPAKAN SUATU BENTUK TINGKAH LAKU AGRESIF YANG DITUNJUKKAN DENGAN NIAT UNTUK MENCEDERAKAN ATAU MEMBERIKAN RASA YANG TIDAK SELESA KE ATAS SESEORANG INDIVIDU.

diselesaikan mengikut jalan yang lurus (*straight forward*). Kadang-kadang selepas disiasat, didapati kes buli menjadi lebih kompleks daripada yang dijangkakan sebelumnya. Ahli psikologi sering memberikan peringatan dalam hal ini, yakni semua pihak yang terlibat mesti sedar ada kecenderungan sesetengah autoriti (contohnya pihak sekolah) yang menganggap kes buli ini hanya satu bentuk konflik anak muda!

Sebenarnya, apa-apa yang ingin ditekankan oleh ahli psikologi ialah kewujudan ketidakseimbangan kuasa menurut interpretasi mangsa. Ketidakseimbangan ini lazimnya terserlah dengan ketidakseimbangan kekuatan fizikal, bilangan individu yang menjadi ahli geng pembuli, paras keyakinan-kendiri, populariti dan status seseorang dalam kelompok rakan sebaya. Kajian sebelumnya mendapati bahawa perkara yang penting ialah mangsa buli berasakan dirinya terlalu sukar untuk mempertahankan diri dan kebarangkalian untuk mengatasi isu (masalah) ini adalah sangat minimum.

Di samping itu, kejadian buli juga bergantung pada bagaimana mangsa buli menilai motif tingkah laku yang ditunjukkan kepadanya, sama ada memang untuk mencederakan dirinya atau hanya untuk mencari masalah dengan dirinya. Kompleks bukan? Dalam kes ini, tingkah laku buli ternyata amat kompleks, apatah lagi tingkah laku buli yang melibatkan nyawa dan hal ehwal kesejahteraan psikologi manusia.

Kajian psikologi turut mendapati secara umumnya, wujud sebilangan kecil pelajar di dalam kelas yang secara aktif terlibat dalam tingkah laku gangguan (*harassment*) atau buli berbanding dengan pelajar yang lain. Pada lazimnya, individu yang dibuli melaporkan bahawa dia sering dibuli oleh satu kumpulan yang terdiri daripada dua atau tiga orang pelajar, dan dalam


kumpulan pembuli ini, sering ada ketuanya yang mempunyai sikap yang buruk, negatif, bermasalah dan agresif. Dapatan yang paling menarik daripada kajian psikologi menunjukkan ada sebilangan pelajar lain di dalam kelas yang tahu dan sedar mengenai buli yang berlaku. Mereka tidak menyokong dan memaafkan tingkah laku buli ini, dan malah cuba untuk membantu mangsa buli di dalam kelas mereka.

Walaupun banyak kajian telah dilakukan untuk memahami ciri-ciri buli, mangsa buli dan sebagainya (terutamanya kajian di luar negara), kajian mengenai konsekuen dan akibat jangka panjang buli terhadap individu secara relatifnya agak kurang. Walau bagaimanapun, secara umumnya, ada beberapa dapatan yang ditemukan oleh ahli psikologi. Apabila ditelusuri latar belakang pembuli, rata-rata mereka mempunyai rekod jenayah atau paling kurang menunjukkan tingkah laku bermasalah semasa berada di sekolah rendah. Antara masalah tingkah laku ini termasuklah ponteng sekolah, pencapaian akademik yang rendah, tahap aspirasi rendah, harga kendiri,

merokok, antisosial dan cenderung menunjukkan tingkah laku berisiko.

Kajian lepas dalam bidang psikologi mendapati bahawa sebenarnya satu-satu tingkah laku bermasalah itu tidak datang secara tunggal, tetapi sering muncul secara berangkai. Kenyataan ini bermaksud, jika seseorang itu ada masalah ponteng sekolah, dia sering juga mengalami masalah tingkah laku yang lain seperti antisosial, masalah penyesuaian, merokok, merempit, agresif dan sebagainya. Satu lagi penemuan penting dalam kajian psikologi ialah satu-satu tingkah laku itu dikategorikan sebagai “bermasalah” jika tingkah laku itu sudah ditunjukkan oleh seseorang individu sejak awal. Sebagai contohnya, individu itu sudah mencuri sejak berumur tujuh tahun. Peringkat umur tersebut dilihat begitu awal untuk menunjukkan suatu tingkah laku bermasalah! Berbalik pada buli, yang sering dan cenderung berlaku ialah pembuli bukan sahaja ada masalah tingkah laku kerana membuli, malah lazimnya dia sudah ada masalah tingkah laku yang lain, yang sudah ketara sejak ia muda lagi.

DAPATAN YANG PALING MENARIK DARIPADA KAJIAN PSIKOLOGI MENUNJUKKAN ADA SEBILANGAN PELAJAR LAIN DI DALAM KELAS YANG TAHU DAN SEDAR MENGENAI BULI YANG BERLAKU. MEREKA TIDAK MENYOKONG DAN MEMAAFKAN TINGKAH LAKU BULI INI, DAN MALAH CUBA UNTUK MEMBANTU MANGSA BULI DI DALAM KELAS MEREKA.



Secara kebiasaannya, pembuli terdiri daripada dua atau tiga orang, dan dalam kumpulan akan ada seorang ketua yang bersikap agresif.

Jangan terkejut, buli bukan sahaja membawa kesan psikologi kepada mangsa buli tetapi juga kepada pembuli. Pengkaji terdahulu yang meninjau masalah ini mendapati bahawa dalam jangka masa panjang, mangsa buli boleh mengalami kemurungan dan menghadapi masalah penyesuaian pada masa hadapan. Begitu juga dengan pembuli, ada kemungkinan dia akan mengalami masalah yang sama. Cuma bagi pembuli, masalah luarannya adalah dalam bentuk tingkah laku jenayah kecil dan antisosial.

Apabila buli berlaku, kita mesti memahami juga bahawa kejadian tersebut turut membawa implikasi terhadap orang lain di sekeliling pembuli dan mangsa buli. Keluarga, rakan-rakan dan sesetengah institusi akan turut terkesan dengan kejadian buli yang telah berlaku. Jangan berasa hairan jika ahli psikologi mendapati keluarga pembuli turut menanggung kesan psikologi akibat daripada tingkah laku buli itu. Semua ini harus diambil kira apabila kita mahu mencipta pelan

tindakan, merangka dasar dan melaksanakan langkah pencegahan serta melakukan rawatan terhadap buli.

Dalam menangani sebarang tingkah laku bermasalah walau dalam apa-apa bentuk sekali pun, seseorang pentadbir, pembuat dasar, pihak berautoriti dan agensi yang berkaitan mestilah memahami tingkah laku dalam konteks sosial. Dengan kata lain, dinamika kuasa mestilah diberikan tumpuan. Masalah buli mesti difahami dalam lingkungan atau konteks yang lebih besar (yang dikenali sebagai ekologi manusia), yang mengambil kira peranan institusi dan agensi yang bertanggungjawab dalam kehidupan individu yang dibuli dan pembuli. Hal ini termasuklah institusi sekolah, kelas dan komuniti. Begitu juga dengan aspek psikologi yang lain seperti tingkah laku guru, kebiasaan yang diamalkan di dalam kelas, mekanisme sosiopsikologi dan dasar sekolah. Sudah tentulah institusi keluarga dan pendidikan wajib berganding bahu dalam hal ini. Dengan menggunakan pendekatan

pelbagai tahap/peringkat (*multi-level*), ahli psikologi berpendapat bahawa rawatan dan pencegahan buli dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Kita kembali pada beberapa persoalan yang bermain dalam minda, yang dipaparkan pada bahagian awal tulisan berkaitan dengan buli ini. Masyarakat kita ialah masyarakat timur yang kaya dengan budaya dan adat resam. Kita berpegang pada nilai tradisional, kita pupuk nilai dan pegang prinsip ini. Kita didik anak bangsa tentang soal menjaga hati, berbudi pekerti mulia, bersopan santun, menghormati orang tua, pemimpin, dan sebagainya. Jadi, apabila berlaku kes buli atau tingkah laku membuli, adakah kita gagal dalam proses mendidik anak bangsa dengan nilai murni serta adat dan budaya masyarakat timur? Itulah soalan yang dianggap paling mahal untuk dinilai dan paling sukar untuk dijawab dalam menangani isu yang berkaitan dengan masalah tingkah laku anak muda pada masa sekarang. ds